

OGOS
2020

Aspirasi
Kejemahterangan

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknp.gov.my

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2020 PERINGKAT NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR - tetap meriah dalam norma baharu



Laungan Merdeka menggamatkan suasana Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Pahang 2020 - gambar oleh UNIKOMP

Kuantan, 31 Ogos - Sambutan Hari Kebangsaan 2020 Kali Ke-63 Peringkat Negeri Pahang tetap meriah dalam norma baharu walaupun negara masih diancam virus Covid-19 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Disember 2020.

Sambutan pada tahun ini dibuat secara tertutup di Stadium Tertutup SUKPA, Bandar Indera Mahkota dengan tema "Malaysia Prihatin". KDYMM Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Pahang Tengku Hasanal Ibrahim Alam Shah Ibtisam Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan

berangkat ke majlis ini. Turut hadir YAB Menteri Besar Pahang serta Ahli-Ahli Exco Kerajaan Negeri Pahang, Panglima 4 Briged Mekanise Kuantan serta Ketua-Ketua Jabatan Negeri/Persekutuan Negeri Pahang.

PKNP juga turut menyertai majlis sambutan ini yang dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun, Pengurus Kewangan, Encik Dino Rizal bin Kamaruzzaman, Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim, Pengurus Pembangunan Komuniti & Keusahawanan, Encik Nasry bin Kassim dan Pengurus Pembangunan Hartanah, Encik Azis bin Muhamad.



Sebahagian peserta yang hadir

SESI DIALOG BELANJAWAN 2021 BERSAMA MENTERI KEWANGAN - wakil PKNP turut dijemput hadir

Kuantan, 26 Ogos - Sesi Dialog Belanjawan 2021 bersama Y.B Menteri Kewangan Malaysia, Senator Dato' Sri Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz telah berlangsung di Hotel Zenith, Kuantan baru-baru ini.

Dialog ini diadakan oleh Kementerian Kewangan dengan tujuan untuk berkongsi hala tuju dan perancangan perbelanjaan bagi tahun 2021. Malah, program ini juga adalah salah satu platform bagi mendapatkan maklum balas khususnya daripada pemain-pemain industri di negeri Pahang bagi persiapan Belanjawan 2021.

Dialog ini turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar dan Pengurus Bahagian Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman.

Hadir bersama YB Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr. Salehuddin bin Ishak serta Ketua-Ketua Jabatan negeri/persekutuan negeri Pahang.



Menteri Kewangan bergambar bersama para peserta



Ketua Pegawai Eksekutif antara Ketua Jabatan yang hadir

PROGRAM PKNP BERSAMA YB ADUN KAWASAN TIOMAN

- Eratkan hubungan dengan wakil rakyat setempat dan pentadbir tanah Rompin



Perbincangan sedang berlangsung yang dihadiri YB ADUN Tioman, Pegawai Daerah Rompin, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP serta pegawai-pegawai Kanan PKNP

Rompin, 10 Ogos - Program PKNP bersama YB ADUN Kawasan Tioman adalah salah satu usaha PKNP untuk merapatkan hubungan yang sedia terjalin terutamanya dengan wakil rakyat setempat serta pihak pentadbir tanah di daerah Rompin .

Baru-baru ini PKNP telah mengatur satu perbincangan bersama dengan YB Dato' Sri Haji Mohd Johari Haji Hussain, Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang merangkap ADUN Kawasan Tioman di Villea Resort, Rompin Pahang

Mesyuarat ini dipengerusikan Pegawai Daerah Rompin, Tuan Ahmad Nasim Dato' Haji Mohd Sidek telah membincangkan beberapa isu yang melibatkan permohonan tanah PKNP serta pertindihan permohonan dengan jabatan/agensi kerajaan dan Syarikat Berkaitan/ Milik Kerajaan (*Government Linked Company*) khususnya di daerah Rompin, Pahang. Susulan daripada itu pihak-pihak yang terlibat bersetuju untuk mengatur beberapa siri mesyuarat susulan yang dijangka akan diadakan dalam waktu terdekat.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal Jaafar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Haji Mohd Zaid Harun, Setiausaha Majlis Daerah Rompin, Encik Mohd Farid Abdul Manap, Pengurus Pemantauan Perniagaan, Encik Mohd Razif Abdul Malek, Pengurus Hal Ehwal Korporat, Haji Mohd Ibrahim Hashim serta Pengurus Pembangunan Hartanah, Encik Azis Muhamad

MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT PKNP BIL. 1/2020



Ahli-Ahli Jawatankuasa Audit PKNP bergambar sebelum bermesyuarat

Kuantan, 27 Ogos - Mesyuarat Jawatankuasa Audit PKNP Bil. 1 & 2/2020 telah berlangsung di Bilik Lembaga PKNP, Kompleks Teruntum baru-baru ini.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Pegawai Kewangan Negeri Pahang, Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar selaku Ahli Perbadanan PKNP. Ahli-ahli mesyuarat yang lain yang turut hadir YH Pengarah Tanah & Galian Pahang, Dato' Haji Fadzilla bin Haji Salleh serta Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar.

Tujuan mesyuarat ini diadakan untuk membentangkan hasil laporan audit yang dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam PKNP bagi tempoh 2019-2020, Laporan Jabatan Audit Negara berkaitan penyata kewangan PKNP beraudit bagi tahun 2018 dan audit pemerhatian pengurusan pembangunan Tanjung Agas Maritime Park (TAMP), Pekan, Pahang

Turut hadir Pengurus Audit Dalam, Puan Liza binti Omar dan Puan Faridah binti Mohd Yusof, Akauntan Unit Audit Dalam.

"FOKUS KEPADA CORE BUSINESS BAGI PASTIKAN KEUNTUNGAN DIOPTIMUMKAN - Ketua Pegawai Eksekutif



"Fokus kepada core business" - Ketua Pegawai Eksekutif

Kuantan, 6 Ogos - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar menyarankan anak-anak syarikat PKNP supaya memberi fokus kepada *business* utama (*core business*) bagi memastikan keuntungan dapat dioptimumkan.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap Sesi pembentangan prestasi anak-anak syarikat PKNP bagi tempoh Januari hingga Jun 2020 yang telah berlangsung di Dewan Seminar EDC Tingkat 3, Kompleks Teruntum baru-baru ini.

"Wabak pandemik Covid-19 telah memberi kesan kepada operasi PKNP dan anak-anak syarikat", tegas beliau

Beliau turut mengingatkan anak-anak syarikat untuk meminimumkan kos kepada perkara-perkara yang tidak menjadi keutamaan pada masa ini.

Antara anak-anak syarikat yang telah membentangkan prestasi KPI masing-masing ialah Realsitic Attraction Sdn. Bhd., BCIC Holdings Sdn. Bhd., RTSB Sdn. Bhd., RT Development & Engineering Sdn. Bhd., PKNP Minerals Sdn. Bhd. Dan PKNP Agro-Tech Sdn. Bhd.

Sesi ini turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun, Setiausaha Perbadanan, Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Pengurus-Pengurus Bahagian/ Unit PKNP, Pengurus Anak-Anak Syarikat serta para pegawai terlibat.

“PARA PESERTA DISARAN GUNA PLATFORM DIGITAL UNTUK KEMBANGKAN PERNIAGAAN KE TAHAP YANG LEBIH BERDAYA SAING” - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP



“Guna platform digital untuk kembangkan perniagaan”
- Encik Mohd Faizal Jaafar

Kuantan, 15 Ogos - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar menyarankan para peserta Program Pocket Talk Keusahawanan Digital 2020 untuk menggunakan platform digital untuk mengembangkan perniagaan ke tahap yang lebih berdaya saing.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap di Majlis perasmian program Pocket Talk Keusahawanan Digital 2020 yang telah berlangsung di Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan baru-baru ini

“Ambillah manfaat dan peluang daripada sesi perkongsian program ini”, tambah beliau lagi.

Program yang dianjurkan PKNP dan ditaja oleh MYNIC Berhad, agensi di bawah Kementerian Komunikasi & Multimedia mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dengan penyertaan hampir 80 orang peserta.

Turut hadir Pengurus MYBIC Berhad, Encik Kariolnizam Zan termasuklah Setiausaha Perbadanan PKNP, Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Pengurus Pembangunan Komuniti & Keusahawanan Encik Nasry Kassim, pegawai-pegawai PKNP serta The BCIC Lodge.

MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA PROGRAM-PROGRAM KERJASAMA LPKtn - PKNP - Kukuh kerjasama antara agensi kerajaan

Kuantan, 6 Ogos - PKNP melalui Bahagian Perindustrian terus mengorak langkah ke depan dengan mengukuhkan kerjasama di antara agensi kerajaan melalui siri-siri pertemuan dan mesyuarat jawatankuasa kerja yang ditubuhkan.

Terbaharu, satu mesyuarat jawatankuasa kerja telah diadakan bersama Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn) yang diketuai Pengurus Kanan Korporat dan Pembangunan, Encik Mohd Idi Amin Salleh dan Pengurus Korporat, Puan Mimi Mazira Mohd Idris. Manakala pihak PKNP pula diwakili Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md. Daud bin Abdul Rahman serta beberapa orang pegawai Bahagian Perindustrian.

Mesyuarat ini bertujuan untuk meninjau peluang-peluang kerjasama antara kedua-dua pihak dalam usaha untuk menarik pelaburan berpotensi ke negeri Pahang secara amnya.

Mesyuarat yang dipengerusikan secara bersama ini telah dirancang untuk dilaksanakan secara berkala dengan konsep penggiliran sebagai host mesyuarat.



“Jalin kerjasama”- para pegawai PKNP dan LPKtn bergambar selepas mesyuarat

BENKEL RAKYAT BESERAH

- satu lagi projek PKNP untuk kemudahan rakyat setempat

Beserah, Kuantan - Bengkel Rakyat Beserah adalah merupakan salah satu projek yang dibangunkan PKNP sebagai memenuhi tanggungjawab sosialnya dalam menyediakan kemudahan asas dan infrastruktur khususnya untuk penduduk di kawasan Beserah, Kuantan.

Kerja-kerja pembinaan empat unit bengkel rakyat satu setengah tingkat (20' x 50') dimulakan pada bulan Jun 2018 dengan peruntukan berjumlah RM1.4 juta yang diluluskan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) sebelum ini. Projek yang dijangka siap pada bulan November 2020 akan menawarkan premis perniagaan yang tersusun untuk usahawan Bumiputera.



Kedai Beserah sedia untuk disewa

PROGRAM PROMOSI LEAN PKNP 2020 TERUS DIGERAKKAN SEMULA..



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP turut hadir

Kuantan, 27 Ogos - Jawatankuasa Promosi Pengurusan Lean PKNP yang diterajui Bahagian Hal Ehwal Korporat terus menggerakkan program dan kempen kesedaran amalan Lean digerakkan semula setelah tertangguh akibat daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac 2020 yang lalu.

Bagi tahun 2020, Jawatankuasa Promosi Pengurusan Lean telah merancang beberapa program promosi dimulai dengan Program Spot The Differences (Secara Bersiri Ogos - Oktober) pada awal bulan Ogos yang lalu yang telah disertai oleh kesemua zon Lean di PKNP.

Terbaharu, Program Kahoot of Lean telah mendapat sambutan yang begitu menggalakan dengan penyertaan seramai 31 orang peserta. Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar sempat meluangkan masa hadir sebagai tanda sokongan pihak pengurusan atasan ke atas penganjuran program-program seumpama ini.

Dua program yang bakal berlangsung ialah Teka Kata Lean yang dijadualkan pada bulan November 2020 dan Sport Of Lean pada bulan Disember 2020 dengan acara kemuncak Hari Inovasi PKNP 2020 pada bulan yang sama.

Justeru itu, pihak penganjur sentiasa memastikan para peserta sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pihak kerajaan iaitu penjarakan sosial, memakai pelitup muka dan sentiasa mencuci tangan.

SUKAN GEMAPUTERA XVI SELANGOR 2020 BAKAL BERLANGSUNG PADA BULAN NOVEMBER 2020



Pasukan Bola Jaring PKNP membuat persiapan rapi untuk persediaan mental dan fizikal

Kuantan, 6 Ogos - Kontinjen PKNP kini sedang membuat persiapan awal bagi mempersiapkan pasukan yang akan menyertai Sukan Gemaputera XVI Selangor 2020 kelak.

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) selaku tuan rumah kepada acara sukan dwi tahunan ini telah memaklumkan tarikh baharu kejohanan ini yang akan berlangsung pada 3 - 7 November 2020 di Shah Alam, Selangor.

Pada peringkat awal, sukan ini dijadualkan akan berlangsung pada 23 Mac hingga 28 Mac 2020 yang lalu. Walau bagaimanapun kejohanan sukan ini terpaksa ditangguhkan berikutan akibat ancaman Virus COVID-19 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula pada 18 Mac 2020.

Susulan itu, mesyuarat penyelarasan persiapan Kontinjen PKNP yang dipengerusikan oleh Ketua Kontinjen PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun pada 15 Julai 2020 telah bersetuju supaya semua pasukan membuat persediaan rapi dari aspek fizikal dan mental.



Sebahagian pengurus anak-anak syarikat yang hadir ke Sesi Pembentangan Prestasi Anak-anak Syarikat PKNP



"Beri tumpuan" - antara peserta yang hadir ke Program Pocket Talk Keusahawanan Digital 2020

Sidang Redaksi

Penaung / Penasihat

- ◆ Encik Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Penyelaras Penerbitan

- ◆ Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

Ketua Editor

- ◆ Puan Nor Azlin binti Ahmad

Grafik

- ◆ Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasi
- ◆ Encik Mohd Firdaus bin Abdul Hamid
- ◆ Encik Nik Mohd Khayimi bin Nik Kamarulzaman

Jurufoto

- ◆ Encik Saiful Azli bin Yahia
- ◆ Encik Iskandar bin Abdul Samad

Firman Allah S.W.T : Daripada Abu Sa'id Al Khudri dan Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda: "Tidaklah seorang Muslim yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kegusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahan-kesalahannya." (Hadith riwayat al-Bukhari, No : 5641, Muslim, No : 2573, at-Tirmizi, No : 966, Ahmad, No : 7684, 8070, 10714)